



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN KERUSI BATU &
PENYAMPAIAN SIJIL KONTRAKTOR CEMERLANG
PULAU AMAN**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**20 FEBRUARI 2024 (SELASA)
9.30 PAGI**

**DEWAN ORANG RAMAI PULAU AMAN
SEBERANG PERAI SELATAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam **Majlis Penyerahan Kerusi Batu & Penyampaian Sijil Kontraktor Cemerlang Pulau Aman.**
2. Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Pegawai-Pegawai Kanan, Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa MPKK Pulau Aman, warga Pulau Aman dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program yang diadakan pada pagi yang berbahagia ini
3. Pulau Aman adalah salah satu tempat menarik dan yang terkenal di Pulau Pinang. Pulau ini berkeluasan 116.5 hektar dan terletak kira-kira 16 batu nautika dari tanah besar Seberang Perai di antara Bukit Tambun dan Batu Kawan. Pulau Aman terbahagi kepada dua bahagian iaitu Pulau Aman dan Pulau Gedung dan merupakan sebuah perkampungan nelayan. Pulau ini adalah satu-satunya kampung nelayan Melayu tradisional yang masih kekal keasliannya hingga ke hari ini.

4. Pulau Aman amat sesuai sebagai tempat perkelahan dan memancing serta mempunyai tempat-tempat yang bersejarah. Ianya juga berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi eko pelancongan kerana memiliki pelbagai tarikan mempesona selain masih mengekalkan keindahan alam semulajadi. Pulau Aman adalah sebuah pulau yang 'bebas kereta' di mana penduduk di sini hanya berjalan kaki, berbasikal serta menaiki motosikal dengan menggunakan laluan pejalan kaki konkrit yang menghubungkan keseluruhan pulau ini.
5. Bagi tujuan kegunaan penduduk setempat dan pelancong yang berkunjung di Pulau Aman, hari ini MBSP menyerahkan tujuh (7) buah kerusi batu rekreasi dan tiga (3) set kerusi dan meja batu. Penyerahan kerusi dan meja batu, adalah salah satu inisiatif MBSP untuk keselesaan awam untuk berehat atau bersantai serta mengukuhkan hubungan komuniti.
6. Kerusi batu rekreasi ini adalah barangan *upcycle* yang dibuat dan disediakan oleh Unit *Upcycle* MBSP. MBSP telah menubuhkan Unit *Upcycle* bertujuan bagi menggalakkan aktiviti *upcycle* di kalangan penduduk Seberang Perai dengan mempergiatkan pelbagai aktiviti pendidikan dan promosi di sekolah-sekolah, agensi kerajaan dan swasta, serta institusi pengajian tinggi. Sebanyak 42 kakitangan di

dalam Unit *Upcycle* telah membantu bagi menaikkan industri *upcycle* di Seberang Perai.

7. Kerusi dan meja batu diperbuat daripada bahan yang dikitar semula seperti guni, kain buruk, besi dan simen. Kerusi batu ini mengambil masa selama tiga (3) minggu untuk disiapkan sepenuhnya.
8. MBSP telah menyerahkan kontrak Perkhidmatan Kerja pembersihan Am (KPA) dan Perkhidmatan Pungutan Sampah (PPS) di Pulau Aman dan Pulau Gedong kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Pulau Aman dengan tempoh perkhidmatan selama dua (2) tahun bermula 01 Julai 2022 hingga 30 Jun 2024.
9. Dengan jumlah pekerja seramai 15 orang (10 wanita dan 5 lelaki), skop pembersihan MPKK Pulau Aman meliputi:-
 - i. Pembersihan Am di kawasan perumahan penduduk, kawasan fasiliti-fasiliti awam dan taman permainan.
 - ii. Tempat Peranginan di Telaga Emas, Pulau Gedong dan pesisiran pantai.
 - iii. Pemotongan rumput di laluan pejalan kaki, Pulau Aman dan Pulau Gedong.

- iv. Perkhidmatan Pemungutan Sampah yang melibatkan kutipan di tong-tong sampah, dan membawa sampah menggunakan bot ke daratan.
 - v. Membantu dalam aspek pembersihan sebelum dan selepas sesuatu program / aktiviti seperti semasa Lawatan Tuan Yang Terutama Yang Dipertuan Negeri Pulau Pinang ke Pulau Aman pada 11 jun 2022.
10. Memandangkan prestasi cemerlang dalam pelaksanaan kerja-kerja pembersihan mengikut kekerapan dan spesifikasi yang ditetapkan dan juga, penelitian bagi nilai kontrak semasa berdasarkan kos-kos yang perlu ditanggung oleh MPKK Pulau Aman, MBSP telah menetapkan semula kadar nilai kontrak semasa bagi Perkhidmatan Kerja pembersihan Am (KPA) dan Perkhidmatan Pungutan Sampah (PPS) di Pulau Aman dan Pulau Gedung daripada RM11,500.00 kepada RM15,000.00 bermula pada tarikh 01 Mac 2024.
11. Adalah diharapkan pemberian pertambahan nilai geran ini dapat meningkatkan lagi tahap kebersihan Pulau Aman kepada keadaan yang lebih baik dan Pulau Aman menjadi salah satu destinasi eko-pelancongan yang terkenal.

12. Saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada MPKK Pulau Aman dan para penduduk Pulau Aman yang sentiasa memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP di Pulau Aman. Terima kasih juga kepada semua yang bertungkus lumus menjayakan program pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***